



LEMBAGA JURUKUR TANAH SEmenanjung MALAYSIA (LAND SURVEYORS BOARD)

RUJUKAN TUAN :

RUJUKAN KAMI : LJT SULIT 226 Pt.4/(26)

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

NO. 2735 TINGKAT SATU
JALAN PERMATA EMPAT
TAMAN PERMATA ULU KELANG
53300 KUALA LUMPUR
Tel : 03-41085191
Fax : 03-41085178

8 JULAI 2000

Ketua Pengarah Ukur Dan Pemetaan
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
Jalan Semarak, 50578 Kuala Lumpur.

PEKELILING LEMBAGA JURUKUR TANAH BIL. 1/2000

PENGIKTIRAFAN PENGALAMAN KERJA PEGAWAI DALAM PERKHIDMATAN JURUUKUR DI JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM) UNTUK TUJUAN PENDAFTARAN DENGAN LEMBAGA JURUKUR TANAH SEMENANJUNG MALAYSIA (LJT)

1. TUJUAN

Pekeling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai keputusan Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia untuk

"mengambil kira pengalaman kerja pegawai dalam perkhidmatan Juruukur di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) sebagai syarat minimum bagi tujuan pendaftaran sebagai Juruukur Tanah Bertauliah dengan Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia (LJT)".

2. LATAR BELAKANG

2.1 Mengikut peraturan yang ditetapkan pada masa ini, seseorang calon yang ingin untuk mendaftar diri sebagai Juruukur Tanah Bertauliah dengan LJT adalah dikehendaki memenuhi salah satu syarat berikut :

Syarat Pertama

- (i) Memenuhi syarat-syarat latihan praktik yang ditetapkan dalam tempoh 'articledship';
dan
- (ii) Lulus Peperiksaan Laws and Regulations yang dikendalikan oleh LJT/Institution of Surveyors Malaysia (ISM)

ATAU

Syarat Kedua

- (i) Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman kerja dalam kerja ukur kadaster sebagai Pengarah Ukur Negeri di Semenanjung Malaysia; dan
- (ii) Lulus peperiksaan Laws and Regulations yang dikendalikan oleh LJT/ISM

2.2 Memandangkan perkhidmatan Juruukur di JUPEM mempunyai persamaan dan relevan dengan LJT, maka pihak LJT telah bersetuju dan memutuskan untuk mengiktiraf para Juruukur ini dengan mengambil kira pengalaman kerja terutamanya yang berkaitan dengan ukur kadaster dan juga yang menjalankan aktiviti lain di Jabatan.

3. SYARAT PENDAFTARAN

Melalui syarat pendaftaran ini, seseorang Juruukur yang sedang berkhidmat dengan JUPEM adalah layak memohon untuk didaftarkan sebagai Juruukur Tanah Bertauliah dengan LJT sekiranya ia telah memenuhi salah satu syarat berikut :

3.1 Syarat Pertama :

- (i) Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan dengan ukur kadaster sebagai Pengarah Ukur Negeri di Semenanjung Malaysia; dan
- (ii) Lulus peperiksaan Laws and Regulations yang dikendalikan oleh LJT/ISM; **atau**
lulus dengan memuaskan satu ujian lisan khas yang ditetapkan oleh LJT.

ATAU

3.2 Syarat Kedua :

- (i) Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan dengan ukur kadaster sebagai Timbalan Pengarah Ukur Negeri di Semenanjung Malaysia; dan
- (ii) Lulus peperiksaan Laws and Regulations yang dikendalikan oleh LJT/ISM; **atau** lulus dengan memuaskan satu ujian lisan khas yang ditetapkan oleh LJT.

ATAU

3.3 Syarat Ketiga :

- (i) Berkhidmat sebagai Juruukur sekurang-kurangnya lapan (8) tahun di JUPEM serta mempunyai pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan dengan ukur kadaster di Semenanjung Malaysia meliputi :
- a) Pengalaman kerja sebagai Juruukur/Juruukur Daerah, Penolong Pengarah Ukur/Timbalan Pengarah Ukur; dan
 - b) Telah menjalani sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan pengalaman praktik kerjaluar kadaster sebagai pegawai kerjaluar dalam perkhidmatan juruukur atau
- Telah menjalani sekurang-kurangnya selama satu (1) tahun pengalaman praktik kerjaluar kadaster sebagai pegawai kerjaluar dalam perkhidmatan Pembantu Teknik
- (ii) Lulus Peperiksaan Laws and Regulations yang dikendalikan oleh LJT/ISM, atau lulus dengan memuaskan satu ujian lisan yang ditetapkan oleh LJT.

ATAU

3.4 Syarat Keempat :

- (i) Berkhidmat sebagai Juruukur sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun di JUPEM serta mempunyai pengalaman berikut :
- a) Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman

kerja dalam bidang yang berkaitan dengan ukur kadaster di Semenanjung Malaysia, meliputi

Telah menjalani sekurang-kurangnya selama enam (6) bulan praktik kerjaluar kadaster sebagai pegawai kerjaluar dalam perkhidmatan juruukur, atau Telah menjalani sekurang-kurangnya selama satu (1) tahun pengalaman praktik kerjaluar kadaster sebagai pegawai kerjaluar dalam perkhidmatan Pembantu Teknik; dan

- b) Mempunyai sekurang-kurangnya lapan (8) tahun pengalaman kerja dalam bidang-bidang lain selain dari ukur kadaster di JUPEM;
- (iii) Lulus Peperiksaan Laws and Regulations yang dikendalikan oleh LJT/ISM, **atau** lulus dengan memuaskan satu ujian lisan khas yang ditetapkan oleh LJT.

4. SYARAT PERMOHONAN

Pegawai-pegawai dalam perkhidmatan Juruukur yang sedang berkhidmat di JUPEM yang berhasrat untuk mendapat pengiktirafan khas ini hendaklah memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut :

- 4.1 Berkhidmat sekurang-kurangnya selama sepuluh (10) tahun dalam perkhidmatan Juruukur di JUPEM;
- 4.2 Mendapat sokongan daripada Ketua Pengarah Ukur dan

Pemetaan;

- 4.3 Mendaftar sebagai 'articled pupil' di bawah Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan dengan LJT; dan
- 4.4 Mengemukakan Borang Permohonan yang disahkan oleh Ketua Jabatan seperti di **Borang A**.

5. KADEAH PEMAKAIAN

- 5.1 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan surat Lembaga rujukan LJT 226 PT.1/(2) bertarikh 25 Mei, 1989, bertajuk Peperiksaan Lembaga Juruukur Tanah - Lisan dan Praktik serta mana-mana peraturan dan pekeliling yang berkaitan dengannya .
- 5.2 Pihak LJT berhak menolak permohonan daripada mana-mana calon yang tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan mengikut pengamatan LJT tidak memiliki pengalaman kerja yang mencukupi bagi tujuan pengiktiraftan ini.

6. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Lembaga Juruukur Tanah Bil. 1/2000 ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to be a name, is written over a horizontal line.